


1 Di lapisan bumi manakah terdapat arus perolakan?

- A** Mantel
- B** Teras luar
- C** Kerak bumi
- D** Teras dalam

2 Rajah berikut menunjukkan pergerakan plat di Banjaran Himalaya.



Apakah proses pergerakan plat dalam rajah tersebut?

- A** Pencapahan plat lautan dengan plat lautan
- B** Pencapahan plat benua dengan plat benua
- C** Pertembungan plat lautan dengan plat lautan
- D** Pertembungan plat benua dengan plat benua

3 Apakah batuan yang terbentuk melalui proses perubahan suhu dan tekanan tinggi?

- A** Batu pasir
- B** Batu arang
- C** Batu marmar
- D** Batu garam


4 Faktor biotik yang mempengaruhi luluh hawa ialah

- I kandungan mineral
 - II struktur batuan
 - III tindakan bakteria
 - IV tindakan akar tumbuhan
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5 Apakah pandang darat yang terbentuk kesan dari luluh hawa fizikal di kawasan gurun panas?

- I Talus
 - II Tors
 - III Bornhard
 - IV Karst
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6 Rajah berikut menunjukkan proses suatu gerakan jisim.



Apakah jenis gerakan jisim tersebut?

- A** Aliran lumpur
B Kesotan tanah
C Gelongsaran tanah
D Gelongsoran tanah

- 7 Apakah bentuk muka bumi yang terbentuk akibat proses pemendapan sungai ?
- A Likuan sungai
 - B Susuh bukit
 - C Air terjun
 - D Delta
- 8 Foto menunjukkan masalah sungai yang tercemar.



Bagaimanakah masalah dalam foto diatasi melalui perundangan ?

- A Melebarkan tebing sungai
- B Menjalankan rawatan air sungai
- C Mengenakan denda dan kompaun
- D Mengharamkan aktiviti pembalakan

9 Maklumat berkaitan ciri ombak.

- Mempunyai damparan yang kuat tetapi basuhan balik yang lemah.
- Memendapkan bahan yang di bawa ke pantai.

Apakah jenis ombak tersebut?

- A** Ombak junam
- B** Ombak pembina
- C** Ombak pembinasa
- D** Ombak pecah

10 Foto menunjukkan satu bentuk muka bumi pinggir pantai.



Jika proses hakisan semakin giat berlaku, apakah apakah bentuk muka bumi yang terhasil?

- A** Batu tunggul
- B** Cenuram
- C** Tanjung
- D** Teluk

11 Maklumat berikut berkaitan dengan konsep taburan penduduk.

- Mempunyai penduduk kurang daripada 50 orang sekilometer persegi.

Taburan penduduk tersebut merujuk kepada

- A** penduduk padat
- B** penduduk sederhana
- C** penduduk optimum
- D** penduduk jarang

12 Peta menunjukkan taburan penduduk dunia.



Peta Dunia

Apakah faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di kawasan yang berlorek?


- A** Bentuk muka bumi
- B** Governan
- C** Tanah
- D** Iklim

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan pertumbuhan penduduk.

Negara X	• Kadar kelahiran : 2.45% • Kadar kematian : 0.44% • Migrasi Bersih : 1.2%
-----------------	--

Berapakah kadar pertumbuhan penduduk semula jadi bagi negara X ?

- A** 1.45 %
B 2.01%
C 2.45 %
D 3.21 %
- 14 Rajah berkaitan piramid penduduk negara Y.



Apakah ciri kependudukan piramid tersebut?

- I Kadar kelahiran tinggi
II Jangka hayat rendah
III Pertumbuhan penduduk rendah
IV Bilangan lelaki dan perempuan seimbang
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15 Apakah jenis migrasi yang di terlibat dalam maklumat berikut?

Jesicca merupakan warganegara Kanada yang bekerja di sebuah kilang pembuatan cip komputer di Prai, Pulau Pinang

- A** Migrasi bandar
- B** Imigrasi
- C** Emigrasi
- D** Transmigrasi


16 Maklumat berkaitan migrasi antarabangsa

- 40 000 pekerja asing dari Bangladesh masuk ke Malaysia.
- Bekerja di dalam bidang perladangan.

Bagaimanakah migrasi tersebut memberi kesan terhadap sosial di Malaysia?

- A** Penggunaan jentera meluas
- B** Pertambahan kadar jenayah
- C** Pasaran barangan meningkat
- D** Perbelanjaan kerajaan meningkat

17 Rajah menunjukkan hierarki petempatan bandar.



P dalam rajah di atas ialah

- A** bandar
- B** metropolis
- C** bandar raya
- D** megalopolis

18 Apakah sumbangan kawasan petempatan **X** kepada petempatan **Y**?



Petempatan **X**



Petempatan **Y**

- A** Mewujudkan peluang pekerjaan
 - B** Membekalkan bahan mentah
 - C** Menyediakan peluang pendidikan tinggi
 - D** Menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur
- 19** Apakah kesan urbanisasi terhadap alam sekitar?
- A** Migrasi meningkat
 - B** Kesesakan lalu lintas
 - C** Peningkatan kadar jenayah
 - D** Perubahan landskap bandar
- 20** Mengapakah pengangkutan lestari wajar diwujudkan di bandar utama?
- I Meningkatkan kesesakan lalu lintas
 - II Mengurangkan jumlah kenderaan
 - III Mengurangkan pengeluaran asap
 - IV Meningkatkan kos hidup penduduk
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV



21 Apakah alat yang digunakan untuk mengukur tekanan udara?

- A** Barometer
- B** Higrometer
- C** Termometer
- D** Anemometer


22 Jadual menunjukkan suhu bulanan bagi stesen **K**.

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu (°C)	24	26	27	30	30	32	34	29	26	25	24	22

Berapakah min suhu tahunan di stesen **K**?

- A** 12 °C
- B** 18 °C
- C** 27 °C
- D** 33 °C

23 Peta menunjukkan taburan iklim utama dunia.



Kawasan manakah dapat dikaitkan dengan maklumat berikut ?

- Hujan turun sepanjang tahun
- Angin baratan

24 Mengapakah kejadian hujan asid sering berlaku di Malaysia?

- A** Penggunaan baja
- B** Pembakaran hutan
- C** Pembakaran bahan api fosil
- D** Pembebasan gas kloroflorokarbon

25 Maklumat di bawah adalah ciri tumbuhan semula jadi yang terdapat di

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Kanopi pokok berbentuk kon• Malar hijau |
|--|

- A** Hutan Konifer
- B** Hutan Monsun Tropika
- C** Hutan Mediterranean
- D** Hutan Hujan Tropika


26 Mengapakah tumbuh-tumbuhan semula jadi penting sebagai sumber nutrien?

- I Membekalkan tenaga
 - II Interaksi antara biotik dan abiotik
 - III Penguraian oleh mikroorganisma
 - IV Menghasilkan baja nitrat
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

27 Tikus jerboa merupakan sejenis hidupan liar di

- A** Hutan Konifer
- B** Gurun Panas
- C** Padang Rumput Steppe
- D** Hutan Daun Luruh Sederhana

28 Foto berikut menunjukkan spesies hidupan liar.



Mengapakah spesies dalam foto perlu dikekalkan?

- A** Sumber tarikan pelancong
- B** Sumber makanan penduduk
- C** Mengawal hutan daripada diceroboh
- D** Memelihara keseimbangan ekosistem hutan

29 Mengapakah hutan paya bakau perlu dipelihara?

- A** Mengawal keseimbangan ekosistem
- B** Mengekalkan kemasinan air laut
- C** Mengawal pasang surut
- D** Merupakan kawasan tadahan air


30 Apakah usaha pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar yang dijalankan di negara China?

- A** Program Hutan Serantau
- B** Program Pemuliharaan Hutan Asli
- C** Program rizab habitat panda gergasi
- D** Program pemuliharaan bunga Robbins

31 Apakah sumber tenaga boleh baharu?

- A** Petroleum
- B** Cahaya matahari
- C** Arang batu
- D** Gas asli

32 Peta berikut tentang taburan sumber tenaga di dunia.



Sumber tenaga tidak boleh baharu terdapat di

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

33 Apakah kesan penerokaan petroleum terhadap alam sekitar?

- A** Jerebu
- B** Hujan asid
- C** Tanah runtuh
- D** Pencemaran air

34 Mengapakah pengurusan sumber tenaga yang berkesan penting kepada ekosistem?

- I Menambah sumber pendapatan
- II Mengelak kepupusan sumber makanan
- III Mengurangkan kesan perubahan iklim
- IV Menjamin bekalan sumber berterusan

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

35 Kegiatan ekonomi tertier merujuk foto

A



B



C



D



36 Foto berikut menunjukkan sejenis kegiatan ekonomi.



Mengapakah kegiatan ekonomi tersebut berkembang pesat di negara kita?

- I Penggunaan teknologi
- II Pelaburan asing
- III Pasaran terhad
- IV Permodalan PNB
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

37 Apakah contoh industri berasaskan sumber ?

- A** Elektrik dan elektronik
- B** Produk tekstil
- C** Minyak sawit
- D** Komponen kereta

38 Maklumat berikut berkaitan kerjasama ekonomi antarabangsa

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• ASEAN• APEC |
|--|

Mengapakah kerjasama tersebut memberi manfaat kepada Malaysia?

- I Meluaskan pasaran
 - II Penambahan kadar cukai
 - III Peningkatan infrastruktur
 - IV Peningkatan teknologi
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

39 Apakah kesan kegiatan penternakan terhadap alam sekitar?

- A** Pencemaran air
B Peningkatan suhu
C Pencemaran bunyi
D Pemendapan sisa ternak

40 Bagaimanakah penggunaan teknologi hijau dapat mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar?

- I Penggunaan bahan api fosil
 - II Penggunaan jentera biodiesel
 - III Penggunaan sisa ternakan
 - IV Penggunaan baja kimia
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT